

07 AUG 1998

ANWAR-KEKAL/I

ANWAR KATA BELIAU MASIH BERTANGGUNG JAWAB KEPADA KEMENTERIAN KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata beliau masih bertanggung jawab penuh kepada Kementerian Kewangan dan tidak ada asas terhadap khabar-khabar angin yang bertiup kencang mengenai perletakan jawatannya bila-bila masa sebagai Menteri Kewangan.

Anwar menyeru rakyat supaya jangan melayan khabar-khabar angin seumpama itu sambil berkata: "Saya sudah dengar khabar-khabar angin ini daripada media sejak dulu lagi."

"Saya tidak ada berita baik untuk anda...khabar-khabar angin itu tidak berasas," katanya.

Perlantikan sebarang anggota Kabinet adalah hak Perdana Menteri, katanya.

"Tiada perpecahan antara kami... kami bertemu setiap hari dan keputusan dibuat bersama-sama," tambahnya.

"Sebagai Perdana Menteri dan pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), kami mengiktiraf pandangan beliau," katanya.

Katanya: "Pengerusi eksekutif MTEN terdiri daripada Perdana Menteri, Tun Daim Zainuddin dan saya sendiri berjumpa membincangkan isu-isu secara berterus-terang."

"Biasanya, saya akan berbual-bual denganya mengenai isu-isu tidak berkaitan dengan MTEN.

"Saya beri jaminan kepada anda bahawa perkara ini adalah sebaliknya (tidak ada perpecahan antara kami)."

Apabila didesak terus sama ada beliau bertanggung jawab penuh di kementeriannya, Anwar berkata: "Ya, begitulah, tetapi anda juga patut hargai kita berurusan dengan keadaan yang amat sukar yang membabitkan keseluruhan Kabinet."

Katanya MTEN bermesyuarat setiap hari dan ia "pastinya termasuk Perdana Menteri."

"Ia adalah usaha bersama, kami bincang dan kami teliti isu-isu besar bersama-sama dan tumpuan adalah kepada pemulihan ekonomi," katanya.

Ditanya sama ada desas-desus mengenai perpecahan antara beliau dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menjejaskan ekonomi, Anwar berkata "jika tidak ada perpecahan, saya tidak fikir ia akan menjejaskannya, tetapi tentulah anda tidak boleh sekat orang daripada mengapi-apikan atau membincangkan atau menyibar khabar-khabar angin mengenai ketidak tentuan."

"Misalnya, saya memanggil persidangan akhbar ini mengenai penyusunan semula hutang korporat tetapi saya dengar sesetengah orang percaya bahawa ini (persidangan akhbar) mungkin berkaitan dengan kedudukan saya sebagai Menteri Kewangan," katanya.

"Apa saya nak buat...saya telah jelaskan, okeylah, sudahlah tanyalah soalan-soalan yang menyeronokkan," katanya.

-- BERNAMA

DVS HS OS